



PERBADANAN LABUAN

Wisma Perbadanan Labuan, Peti Surat 81245, 87022 Wilayah Persekutuan Labuan
Tel: 087- 408600/087-408601 Faks: 087-431478
Laman Web: www.pl.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

GANGGUAN BEKALAN AIR DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

LABUAN, 10 Julai 2020 – Perbadanan Labuan (PL) dan Jabatan Bekalan Air (JBA) juga dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang menyelesaikan isu gangguan bekalan air yang disebabkan oleh kebocoran paip utama yang membekalkan bekalan air terawat dari Tanah Besar ke Labuan. Kebocoran paip ini menyebabkan tangki-tangki tidak dapat dipenuhi dan memberi kesan kepada pengguna terutama di lokasi yang tinggi disebabkan tekanan atau pergerakan graviti air. Gangguan bekalan air ini yang berlaku di simpang lampu isyarat jalan di Pulau Enoe telah memberi kesan gangguan bekalan air ke seluruh kawasan WP Labuan kecuali kawasan perindustrian.

Terdapat tujuh (7) lokasi tangki air statik yang telah disediakan untuk orang awam mendapatkan bekalan air bersih. Senarai lokasi tangki air statik telah dikenalpasti oleh pihak JBA dan penjadualan pengisian semula air ke tujuh (7) lokasi tersebut akan diselaraskan oleh pihak PL dan JBA. Pertambahan lokasi tangki air statik yang telah dikenalpasti juga akan dimaklumkan dalam masa terdekat. Pihak PL dan JBA juga akan menempatkan pegawai atau kakitangan untuk bertugas 24 jam bagi menjamin penghantaran bekalan air berterusan untuk rakyat di lokasi sekitar WP Labuan.

Selain itu, penglibatan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) akan turut diselaraskan dalam usaha menangani isu ini. Penglibatan pihak MPP dan MPKK adalah untuk membuat rondaan dan memeriksa paras air dalam tangki-tangki statik dan memaklumkan pihak PL dan JBA untuk pengisian semula tangki-tangki tersebut.

Proses pembaikan paip dijangka akan siap dalam satu (1) hingga dua (2) hari lagi. JBA menjangkakan isu gangguan bekalan air ini akan mengambil masa selama seminggu selepas proses pembaikan diselesaikan untuk tujuan pembersihan tangki. Semua pihak diminta menggunakan air secara berjimat-cermat dan berhemah bagi memenuhi keperluan penting sahaja. Kerjasama dan kesabaran semua warga Labuan amatlah di hargai.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:
Perbadanan Labuan
10 Julai 2020

LOKASI TANGKI STATIK YANG TELAH DISEDIAKAN OLEH PIHAK JBA

1. Dewan Komuniti Sg. Bedaun
2. Taman Mahkota Impian
3. Sekolah Rendah Lubok Temiang
4. Balairaya Bukit Kalam
5. Depan Klinik Manikar
6. Surau Pohon Batu
7. Kampung Bukit Kuda

CADANGAN LOKASI TANGKI STATIK (JANGKA TANGKI KE TAPAK PETANG INI)

1. Perumahan Mutiara
2. Perumahan LDA
3. Balairaya Layangan
4. Balairaya Belukut
5. Surau SG Buton
6. Taman Sutera 2(di Taman Permainan) kawasan Sg. Bangat
7. SK Pantai
8. Surau Lajau
9. Balairaya Merinding
10. Taman Burung
11. Surau Sg Labu
12. Perumahan Murah (Surau)
13. Taman Fulliwa (Taman Permainan)